



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-3/2 JLD. 5 /(19)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 1/2026 BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri untuk memberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dan Pesara Kerajaan Sabah.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan melalui pembentangan Ucapan Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2026 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Sabah pada 12 Disember 2025 telah bersetuju memberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM2,000.00 kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri. Bantuan Kewangan ini akan dibayar sebanyak dua (2) fasa iaitu pada bulan Februari sebelum Hari Raya Aidilfitri dan sebelum sambutan Kaamatan tahun 2026. Bantuan Khas Kewangan ini turut dipanjangkan kepada Pesara Kerajaan Sabah berjumlah RM1,000.00 yang akan dibayar pada tahun 2026.

“SABAH MAJU JAYA”

KAEDAH PELAKSANAAN

3. Kaedah pelaksanaan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 1 adalah seperti di **Lampiran A** manakala kaedah pelaksanaan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 2 adalah seperti di **Lampiran B**.
4. Kaedah pelaksanaan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 kepada Pesara Kerajaan Sabah adalah seperti di **Lampiran C**.

TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



[DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR UNTONG, JP]
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 8/1/2026

"SABAH MAJU JAYA"

s.k.: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Tingkat 8-11, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada :
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”

LAMPIRAN A

KAEDAH PELAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026, FASA 1

KADAR BANTUAN KHAS KEWANGAN

1. Kadar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 1 bagi pegawai yang dilantik sebelum atau pada 31 Disember 2025 adalah seperti yang berikut:

*Gaji pokok pegawai pada 1 Januari 2026	Kadar Bantuan Khas Kewangan 2026, Fasa 1
RM2,000.00 dan ke atas	Separuh daripada *gaji pokok pegawai pada 1 Januari 2026
Kurang daripada RM2,000.00	RM1,000.00

Nota : *Gaji pokok pegawai selepas pelarasan gaji SSPA, Fasa 2 (tidak termasuk Pergerakan Gaji Tahunan pada 1 Januari 2026).

2. Kadar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 1 bagi pegawai yang dilantik pada 1 Januari 2026 sehingga 12 Februari 2026 adalah seperti yang berikut:

Gaji pokok pegawai pada 12 Februari 2026	Kadar Bantuan Khas Kewangan 2026, Fasa 1
RM2,000.00 dan ke atas	Separuh daripada gaji pokok pegawai pada 12 Februari 2026
Kurang daripada RM2,000.00	RM1,000.00

PEGAWAI YANG LAYAK

3. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 1 **layak** diberikan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang masih berkhidmat pada 13 Februari 2026 seperti yang berikut:

“SABAH MAJU JAYA”

- 3.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS);
 - 3.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - 3.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - 3.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - 3.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 1 ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.
4. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 1 ini turut dipanjangkan kepada:
- 4.1 Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 13 Februari 2026 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut;
 - 4.2 Pegawai lantikan politik dalam Perkhidmatan Awam Negeri; dan
 - 4.3 Pegawai Kerajaan lantikan vot terbuka.

PESARA YANG DILANTIK SEMULA SECARA *CONTRACT OF SERVICE* (COS) ATAU SECARA SEMENTARA

5. Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* (COS) atau secara sementara dan masih berkhidmat pada 13 Februari 2026 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 1 yang akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

6. Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 13 Februari 2026 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 1.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

7. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 1 ini **tidak diberikan** kepada:

7.1 pegawai yang dijatuhkan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 13 Februari 2026;

7.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 13 Februari 2026;

7.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 13 Februari 2026; dan

7.4 pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraannya.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

8. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 1 ini. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

“SABAH MAJU JAYA”

TARIKH PEMBAYARAN

9. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 1 ini akan dibayar serentak dengan pembayaran gaji bulan Februari 2026.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

10. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 1 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

LAMPIRAN B

KAEDAH PELAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026, FASA 2

1. Kadar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 2 bagi pegawai yang dilantik sebelum atau pada 31 Disember 2025 adalah seperti yang berikut:

*Gaji pokok pegawai pada 1 Januari 2026	Kadar Bantuan Khas Kewangan 2026, Fasa 2
RM2,000.00 dan ke atas	Separuh daripada *gaji pokok pegawai pada 1 Januari 2026
Kurang daripada RM2,000.00	RM1,000.00

Nota : *Gaji pokok pegawai selepas pelarasan gaji SSPA, Fasa 2 (tidak termasuk Pergerakan Gaji Tahunan pada 1 Januari 2026).

2. Kadar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 2 bagi pegawai yang dilantik pada 1 Januari 2026 sehingga 19 Mei 2026 adalah seperti yang berikut:

Gaji pokok pegawai pada 19 Mei 2026	Kadar Bantuan Khas Kewangan 2026, Fasa 2
RM2,000.00 dan ke atas	Separuh daripada gaji pokok pegawai pada 19 Mei 2026
Kurang daripada RM2,000.00	RM1,000.00

PEGAWAI YANG LAYAK

3. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 2 **layak** diberikan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang masih berkhidmat pada 20 Mei 2026 seperti yang berikut:

“SABAH MAJU JAYA”

- 3.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS);
 - 3.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - 3.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - 3.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - 3.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 2 ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.
4. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 2 ini turut dipanjangkan kepada :
- 4.1 Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 20 Mei 2026 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut;
 - 4.2 Pegawai lantikan politik dalam Perkhidmatan Awam Negeri; dan
 - 4.3 Pegawai Kerajaan lantikan vot terbuka.

PESARA YANG DILANTIK SEMULA SECARA *CONTRACT OF SERVICE* (COS) ATAU SECARA SEMENTARA

5. Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* (COS) atau secara sementara dan masih berkhidmat pada 20 Mei 2026 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 2 yang akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

6. Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 20 Mei 2026 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 2.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

7. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 2 ini **tidak diberikan** kepada:

7.1 pegawai yang dijatuhkan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 20 Mei 2026 ;

7.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 20 Mei 2026;

7.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 20 Mei 2026; dan

7.4 pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraannya.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

8. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 2 ini. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

“SABAH MAJU JAYA”

TARIKH PEMBAYARAN

9. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 2 ini akan dibayar serentak dengan pembayaran gaji bulan Mei 2026.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

10. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026, Fasa 2 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

LAMPIRAN C

KAEDAH PELAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026 SEBANYAK RM1,000.00 KEPADA PESARA KERAJAAN SABAH

PESARA YANG LAYAK

1. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 **layak** diberikan kepada semua Pesara Kerajaan Sabah, penerima pencen terbitan dibawah undang-undang pencen dan pesara skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah bersara pada atau sebelum 13 Februari 2026.

TARIKH PEMBAYARAN

2. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 ini akan dibayar secara berperingkat mulai 13 Februari 2026.

PERTANYAAN AM

3. Sebarang pertanyaan berkaitan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 kepada Pesara Kerajaan Sabah boleh berhubung dengan Bahagian Saraan dan Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

“SABAH MAJU JAYA”